

Hubungan Stres Minoriti Dengan Kesunyian Dalam Kalangan LGBT Dewasa Di Malaysia

Relationship Between Minority Stress And Loneliness Among LGBT Adults In Malaysia

Surya Raj a/l Ramasamy
¹Nasrudin Subhi

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: ¹nas2572@ukm.edu.my

ABSTRAK

Di Malaysia, iklim politik Malaysia, penerimaan masyarakat dan undang-undang secara umumnya menjadikan golongan LGBT terdedah kepada pelbagai stres minoriti yang terbahagi kepada peminggiran, homofobia dalaman, keasyikan stigma dan penyembunyian. Manusia adalah makhluk sosial yang memerlukan interaksi sosial, maka stres ini boleh dikatakan berkait dengan kesunyian. Objektif kajian adalah untuk menjana profil sosiodemografi kajian dan mengenal pasti perkaitan antara peminggiran, keasyikan stigma, penyembunyian serta homofobia dalaman dengan kesunyian dalam kalangan LGBT dewasa di Malaysia. Kajian ini adalah kajian keratan rentas menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah pengumpulan data pula adalah kaedah tinjauan soal selidik, menggunakan persampelan snowball, dengan instrumen yang bersesuaian dengan pemboleh ubah dalam penyelidikan ini. Homonegative Microaggression Scale ($\alpha=0.903$) dan Daily Heterosexist Experience Questionnaire ($\alpha =0.908$) untuk peminggiran, Lesbian, Gay and Bisexual Identity Scale untuk keasyikan stigma, Nebraska Outness Scale ($\alpha =0.804$) untuk penyembunyian, Internalized Homophobia Inventory ($\alpha =0.842$) untuk homofobia dalaman dan De Jong Gierveld Scale ($\alpha =0.801$) untuk kesunyian. Responden kepada kajian ini adalah golongan LGBT yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas. Sampel kajian terdiri daripada 124 individu yang berusia 18-60 tahun. Analisis korelasi Spearman mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara kesunyian dengan heteroseksisme, $r(122)=0.21$, $p= 0.018$. Hal ini kerana diskriminasi yang dialami menyebabkan individu berasa kurang diterima masyarakat, lantas elakkan menyertai aktiviti sosial kerana risau akan mengalami diskriminasi pada masa hadapan.

Kata Kunci: peminggiran, keasyikan stigma, homofobia dalaman, penyembunyian, kesunyian

ABSTRACT

In Malaysia, the politics climate, public acceptance and the law, in general, exposes the LGBT community to various minority stress that is divided into marginalization (microaggression and heterosexism), internalized homophobia, stigma preoccupation dan concealment. Humans are social creatures that need social interaction, thus this stress can be said to relate to their loneliness. The objective of this research is to generate sociodemographic profile of the research sample and to identify the relationship between marginalization, stigma preoccupation, concealment and internalized homophobia with loneliness among the adult LGBT in Malaysia. This research is a cross sectional research that uses quantitative method.

Data collection is done by survey distribution using snowball sampling, with instruments appropriate to the variables of the research. Homonegative Microaggression Scale ($\alpha=0.903$) and Daily Heterosexist Experience Questionnaire ($\alpha =0.908$) for marginalization, Lesbian, Gay and Bisexual Identity Scale for stigma preoccupation, Nebraska Outness Scale ($\alpha =0.804$) for concealment, Internalized Homophobia Inventory ($\alpha =0.842$) for internalized homophobia dan De Jong Gierveld Scale ($\alpha =0.801$) for loneliness. Respondents of the study are the individual that experience same-sex attraction, Malaysian and aged 18 and above. Samples consist of 124 individuals with the age ranged from 18-60 years old. Spearman correlation analysis found that there is a significant positive relationship between loneliness and heterosexism, $r(122) = 0.21, p=0.018$. Due to the discrimination faced, the individual feels less accepted by society, thus avoiding social activities and forming new relationships out of concern of facing discrimination in the future.

Keywords: *marginalization, stigma preoccupation, internalized homophobia, concealment, loneliness*

1. Pengenalan

Manusia adalah makhluk sosial yang memerlukan interaksi mahupun perhubungan dengan individu lain untuk kelestarian hidup. Kesunyian adalah keadaan aversif untuk meminimakan kecederaan kepada sosial individu sepertimana kesakitan fizikal adalah keadaan aversif untuk meminimakan kecederaan fizikal (Cacioppo et al. 2013). Kesunyian merujuk kepada pengalaman subjektif di mana rangkaian sosial individu dipersepsikan sebagai kurang memuaskan atau lebih kecil daripada yang dikehendaki (Fish & Weis 2019). Kesunyian ini adalah keadaan yang tidak diinginkan dan bukannya keseorangan mengikut pilihan (Tzouvara et al. 2015).

Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) adalah terma payung merujuk kepada individu-individu yang mempunyai orientasi seksual, identiti gender atau ekspresi yang berbeza daripada *cisgender* konvensional (individu dengan gender yang seiring dengan seks semasa lahir) serta heteroseksual (individu yang tertarik kepada jantina bukan sejenis). Harus ditekankan bahawa terdapat perbezaan di antara orientasi seksual dan identiti gender di mana orientasi seksual merujuk kepada corak emosi, romantik dan/atau tarikan seksual kepada lelaki, wanita atau kedua-dua seks (American Psychological Association 2021) manakala identiti gender merujuk kepada konsep sendiri dalam seseorang sebagai lelaki, perempuan atau sebagainya dan ia boleh sama atau berbeza dengan seks fizikal.

Di Malaysia, homoseksualiti masih dilihat sebagai kecelaruan mental dan dikategorikan sebagai jenayah dengan hukuman mengikut undang-undang. Undang-undang seperti ini menjadi dasar kepada pelbagai bentuk diskriminasi dan ketidakadilan yang berlaku kepada golongan LGBT di Malaysia. Menurut Amnesty (2001) kebanyakan penderaan dilakukan dengan kekebalan dan diperuntukkan oleh kerajaan-kerajaan dan masyarakat menerusi mekanisme formal seperti undang-undang yang mendiskriminasi dan mekanisme informal seperti prejudis dan tradisi agama. Agama, sosio-budaya, stigma serta tradisi turut menjadi faktor penyumbang kepada keadaan ini. Survei yang dijalankan oleh Pew Research Center (2013) mendapati bahawa 86% daripada masyarakat Malaysia menolak homoseksualiti. Hal ini ditambah buruk dengan aktiviti terapi konversi yang dilakukan untuk 'mengubah' orientasi seksual individu, keganasan dan penderaan domestik, kekerasan, diskriminasi, stigma HIV/AIDS, serta pengaruh politik dan media yang negatif terhadap golongan LGBT.

Menurut Tan dan Lee (2021), topik-topik yang diketengahkan dalam kajian terhadap LGBT daripada tahun 2016 hingga 2020 adalah untuk mengkaji mengenai penyakit kelamin, seperti *Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS), sifilis dan penggunaan *Pre-exposure Prophylaxis* (PrEP) serta kondom. Sampel pula terdiri daripada lelaki yang menjalinkan hubungan seks sejenis dan wanita trans. Kajian-kajian ini juga berfokus secara eksklusif kepada kawasan bandar seperti Kuala Lumpur. Hal ini menjadikan kajian-kajian ini tidak dapat mewakili populasi LGBT di Malaysia secara menyeluruh.

Selain itu, walaupun wujud pelbagai kajian mengenai kesihatan mental golongan LGBT, namun ia hanya berfokus kepada kemurungan, kebimbangan, penyalahgunaan bahan, dan pembunuhan diri. Hal ini menunjukkan kekurangan dalam penyelidikan terhadap aspek psikologi dan sosial, khususnya stres minoriti serta kesunyian golongan LGBT di Malaysia serta perwakilan yang tidak menyeluruh. Keadaan ini mewujudkan kelompongan yang besar dalam penyelidikan kajian LGBT, lebih-lebih lagi apabila kesunyian adalah faktor risiko untuk pelbagai masalah mental dan fizikal serta kadar mortaliti yang tinggi (Mann et al. 2022). Maka, kajian ini dijalankan untuk merapatkan jurang tersebut dengan berfokuskan aspek psikologi dan sosial individu dan rekrutmen responden yang holistik iaitu meliputi individu gay, lesbian, biseksual serta transgender yang menjalinkan hubungan sejenis di Malaysia.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Kerangka Literatur


Teori yang digunakan dalam kajian adalah Teori Stres Minoriti oleh Meyer (2003) dan Teori Kesunyian Weiss (1973). Teori Stres Minoriti adalah derivasi daripada Teori Stres Sosial dan Teori Stres oleh Dohrenwend (1998b, 2000) yang berfokuskan kepada stres dialami individu yang tergolong dalam komuniti minoriti. Teori Stres Minoriti mencadangkan bahawa persekitaran sosial yang susah atau kurang menyenangkan tidak secara langsung mendorong kepada kemerosotan kesihatan individu minoriti, malah ia disebabkan oleh stres berpanjangan yang dialami individu tersebut, menghasilkan defisit kesihatan jangka masa panjang. Meyer (2003) menyatakan beberapa andaian iaitu stres minoriti adalah:

- 1) Unik
Ia merupakan stres tambahan kepada individu dengan stres yang dialami segenap manusia secara am.
- 2) Kronik
Ia mempunyai struktur sosial dan budaya yang kukuh secara relatif.
- 3) Berdasarkan sosial
Ia berasal daripada proses sosial, institusi dan struktur melangkaui individu.

Berdasarkan teori ini, stres minoriti terdiri daripada stres distal dan stres proksimal. Stres distal merujuk kepada stresor objektif dan eksternal yang tidak bergantung kepada persepsi individu dan terasing daripada identifikasi peribadi individu dengan status mereka yang dalam konteks ini, merujuk kepada orientasi seksual. Stres proksimal pula merujuk kepada stres berbentuk subjektif, dan bergantung kepada identiti sendiri sebagai Lesbian, Gay dan Biseksual. Identiti serta makna identiti ini berbeza-beza pada tahap individu. Stres proksimal terdiri

daripada beberapa proses stres iaitu keasyikan stigma, menyembunyian identiti dan homofobia dalaman.

Rajah 1 menunjukkan proses stres minoriti dalam populasi gay, lesbian dan biseksual. (a) merujuk kepada minoriti stres diletakkan dalam situasi persekitaran yang umum, yang mengandungi kebaikan dan keburukan berkait dengan faktor seperti status sosioekonomi. (b) pula merujuk kepada status minoriti individu yang merangkumi orientasi seksual, bangsa atau etnik dan jantina. (c) adalah situasi dalam persekitaran yang mendorong kepada pendedahan kepada stresor. (d) merujuk kepada stres minoriti yang unik kepada kumpulan minoriti serta (e) menyatakan bahawa status minoriti mendorong kepada identifikasi personel dengan status minoriti tersebut. (f) merujuk kepada peningkatan kewaspadaan dan ekspektasi penolakan. (g) pula menyatakan identiti minoriti adalah pemodifikasi kesan yang penting dalam proses stres. (h) pula merujuk kepada identiti LGB menjadi sumber kekuatan apabila dikaitkan dengan peluang-peluang untuk afiliasi, sokongan sosial, and daya tindak yang mampu memperbaiki impak stres manakala (i) menjurus kepada kesan kepada kesihatan mental.



RAJAH 1. Proses stres minoriti dalam populasi lesbian, gay dan biseksual.
 Sumber: Meyer (2003)

Stres Distal

i. Peminggiran

Apabila seseorang itu boleh dikenal pasti sebagai sebahagian daripada komuniti LGBT, mereka menjadi sasaran keganasan dan diskriminasi anti-gay (Human Rights

Watch 2001). Dalam kajian ini, dua aspek peminggiran yang dikaji adalah mikroagresi dan heteroseksisme.

Stres Proksimal

i. Keasyikan Stigma

Berkenaan jangkakan penolakan dan diskriminasi merujuk kepada kebimbangan yang dialami oleh individu yang distigma apabila berinteraksi dengan masyarakat. Hal ini dikaitkan dengan ketidakpastian bahawa masyarakat benar-benar menerima individu tersebut walaupun diterima secara luaran.

ii. Penyembunyian

Menurut Miller & Major (2000) penyembunyian sumber stigma individu digunakan sebagai strategi daya tindak, bertujuan untuk mengelakkan kesan negatif daripada stigma, namun strategi ini mendatangkan lebih kemudaratan. Proses kognitif yang kompleks, sedar dan tanpa sedar, diperlukan untuk mengekalkan rahsia identiti individu, dan pengalaman dalaman ini digelar "*private hell*" (Smart dan Wegner 2000).

iii. Homofobia Dalaman

Homofobia dalaman adalah satu bentuk stres dalaman. Walaupun tiada persekitaran negatif, jika identiti disembunyikan secara keseluruhan, seseorang itu mengarahkan nilai negatif sosial terhadap diri sendiri. Pakar perubatan menggunakan terma homofobia dalaman untuk merujuk kepada internalisasi tingkah laku dan persepsi anti-gay masyarakat. Disebabkan oleh kekuatan pengalaman sosial awal dan pendedahan berterusan kepada tingkah laku anti-gay, homofobia dalaman kekal sebagai faktor signifikan dalam penyesuaian psikologikal individu gay.

Teori Kesunyian oleh Weiss (1973) menyatakan bahawa kesunyian bukan satu dimensi tunggal, malah mempunyai dua jenis kesunyian iaitu kesunyian emosi dan kesunyian sosial. Kesunyian emosi adalah reaksi afektif terhadap ketidakhadiran ikatan yang kuat. Kesunyian emosi tidak boleh dilangsaikan dengan hubungan rakan rapat semata-mata tetapi melibatkan hubungan romantik. Hal ini kerana keperluan yang dapat dipenuhi pasangan tidak boleh dipenuhi oleh orang lain. Kesunyian sosial pula merujuk kepada ketidakcukupan integrasi dalam rangkaian sosial. Weiss merungkai bahawa tidak cukup bagi seseorang disayangi atau menyayangi tetapi juga perlu untuk menjadi sebahagian daripada sebuah kumpulan sosial.

2.2 Sorotan Kajian Lepas

Kajian yang dijalankan oleh Kuyper dan Fokkema (2011) bertujuan untuk mengkaji ketahanan teori stres minoriti dengan membandingkan masalah kesihatan mental dalam kalangan lelaki dan wanita dengan tarikan sama seks serta berlainan seks di Belanda. Sampel kajian adalah 389 individu yang terdiri daripada 118 lelaki gay, 40 lelaki biseksual, 184 wanita gay dan 54 wanita biseksual. Skala yang digunakan mengukur reaksi negatif, homofobia dalaman dan pendedahan oleh Bakker dan Vanwesenbeeck (2006). Kajian ini mendapati bahawa wanita mempunyai skor yang rendah secara signifikan dalam aspek homofobia dalaman. Individu biseksual mempunyai homofobia dalaman lebih tinggi walaupun golongan lesbian dan gay lebih banyak menghadapi reaksi negatif daripada masyarakat. Individu yang menghadapi lebih banyak reaksi dan tingkah

laku negatif terhadap tarikan sama seks sendiri didapati mempunyai lebih banyak masalah kesihatan mental. Walaupun bagaimanapun, kajian ini mendapati tiada korelasi signifikan antara darjah pendedahan dengan kesihatan mental. Dalam kalangan wanita, mereka yang mendedahkan mengenai tarikan sama seks mereka melaporkan masalah kesihatan mental yang rendah.

Kajian literatur oleh Fish dan Weis (2019) melibatkan 11 kajian yang mempunyai 53,332 sampel berumur dalam lingkungan 15 – 80, meliputi negara Amerika, United Kingdom, Australia, India dan Belanda. Kajian ini mendapati bahawa beberapa faktor menyumbang kepada kesunyian dalam kalangan golongan LGB yang tua. Antaranya adalah tinggal secara bersendirian, hal ini dikatakan kelaziman dalam kalangan golongan ini, khususnya lelaki gay dan biseksual berbanding wanita lesbian dan biseksual. Hal ini kerana lelaki yang tinggal sebumbung mudah untuk dikenal pasti dan didiskriminasi jiran dan masyarakat setempat. Selain itu, stres minoriti seperti penyembunyian dan homofobia dalaman juga dikenal pasti sebagai faktor tahap makro yang menyumbang kepada kesunyian. Status pendapatan yang rendah dan perumahan juga dikaitkan dengan kesunyian.

Selain itu, kajian oleh Hughes (2015b) mendapati bahawa lelaki gay melaporkan tahap kesunyian yang lebih tinggi berbanding lesbian, biseksual, transgender and interseks, namun perbezaan ini didapati tidak signifikan. Kesunyian yang dialami adalah oleh kerana tidak berada dalam hubungan, tinggal bersendirian, dan kedukaan psikologi yang tinggi serta kesihatan mental yang rendah, seiring dengan dapatan kajian-kajian lepas. Sebuah kajian meta analisis terhadap perhubungan sosial dan risiko kematian mendapati bahawa mendapati bahawa individu yang mempunyai hubungan yang baik dan mencukupi mempunyai kebarangkalian kelestarian hidup lebih tinggi sebanyak 50% berbanding yang tiada (Holt-Lunstad, Smith & Layton 2010).

Pengalaman mikroagresi harian didapati boleh memberi impak kepada lelaki biseksual dan gay berkulit putih berbanding yang berkulit hitam (Cook et al. 2019). Pengkaji menyatakan hal ini boleh disebabkan oleh *habituation effect*, yang bermakna lelaki gay dan biseksual yang berkulit hitam terdedah kepada mikroagresi harian secara konsisten disebabkan faktor bangsa atau/dan orientasi seksual, maka mereka telah membiasakan diri dengan situasi ini. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa lelaki berkulit hitam gay dan biseksual yang mengalami mikroagresi harian lebih dari biasa berdasarkan bangsa dan orientasi seksual mengalami mood negatif yang signifikan berbanding golongan yang tidak.

Kajian meta-analisis oleh Gorczycki & Fasoli (2021) terhadap 4 artikel yang melaporkan data daripada 481 individu yang merupakan minoriti seksual dan 4176 individu heteroseksual dengan julat umur 8 – 92 tahun. Meta-analisis ini mendapati bahawa individu yang mengidentifikasikan diri mereka sebagai minoriti seksual melaporkan kadar kesunyian yang lebih tinggi daripada individu heteroseksual ($n= 4105$) ($d=0.352$, $p=0.019$). Pengkaji menjelaskan bahawa dewasa LGBT lebih cenderung untuk mempunyai rangkaian sosial yang lemah berbanding dewasa heteroseksual, di mana mereka kurang menerima hubungan sosial dan sokongan informal. Perhubungan sosial dalam komuniti LGBTQ+ dikaitkan dengan rasa kesejahteraan yang tinggi, keyakinan diri, penerimaan diri dan penghargaan diri serta nilai yang tinggi selain dikaitkan dengan tahap homofobia dalaman yang rendah (Garcia et al 2020 dikutip daripada Gorczycki & Fasoli 2021). Untuk individu minoriti seksual yang lebih tua, rangkaian sosial yang lebih kuat dan luas bertujuan untuk mencipta rasa kepunyaan (*sense of belonging*)

dan ia menunjukkan impak yang positif untuk mengatasi kesunyian. (Fish & Weis 2019 dalam Gorczynski & Fasoli 2021).

Kajian oleh Hatchel dan Marx (2018) menggabungkan teori stres minoriti dan *theory of intersectionality* untuk memahami hubungan antara perasaan kepunyaan di sekolah, perasaan kemangsaan dan penggunaan dadah dalam kalangan remaja transgender yang berumur 10-18 tahun. Kajian ini mendapati bahawa perasaan kepunyaan di sekolah mempunyai kesan langsung kepada penggunaan dadah ($B=0.14$, $p<0.001$) dan remaja transgender yang bukan berkulit putih mengalami tahap kemangsaan yang tinggi berbanding yang berkulit putih. Kajian kualitatif oleh Pacey (2016) dengan 34 remaja minoriti gender dan seksual yang berumur 14-18 mendapati bahawa remaja yang tinggal di kawasan pedalaman dan bandar yang berskala kecil mengalami lapisan tambahan peminggiran yang berkait tempat. Kajian-kajian ini menunjukkan lapisan tambahan seperti bangsa atau kawasan kediaman yang menyumbang kepada stres minoriti.

Kajian oleh Ninam Shah & Mustafa (2022) yang melibatkan 136 peserta yang berumur 18 – 52 bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah sosiodemografi, diskriminasi yang dipersepsikan dan kesejahteraan psikologikal dalam kalangan lelaki homoseksual. Kajian ini mendapati bahawa diskriminasi yang dipersepsikan (*perceived discrimination*) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi ($r = 0.50$, $p < 0.01$), secara khususnya simptom somatisasi, kebimbangan dan kemurungan. Malah, analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa diskriminasi yang dipersepsikan meramal secara signifikan kehadiran keadukaaan psikologikal ($B = 0.474$, $P < 0.001$).

Kesesuaian (*conformity*) kepada norma kelelakian dan ugutan kepada kontingensi kelelakian adalah peramal kuat bagi homofobia dalaman (Thepsourinthone, 2020). Sampel kajian adalah 489 lelaki gay warganegara Australia dengan julat umur 18-72. Dalam kajian ini, homofobia dalaman dikaitkan dengan kelelakian. Hal ini kerana pengaruh daripada makrosistem individu memupuk homofobia dalaman dan dibincangkan bahawa ia dijadikan strategi pampasan untuk perasaan *inferior* yang dialami. Selain itu, lelaki yang feminin sering kali berhadapan dengan lebih banyak tingkah laku negatif, tolakan sosial dan romantik, menjadi mangsa, serta mengalami gangguan daripada orang lain dan hal ini amat ketara di budaya Asia. Selain itu,

Elmer (2022) mendapati bahawa peminggiran mempunyai perkaitan yang lebih kuat dengan keasyikan stigma berbanding penyembunyian serta homofobia dalaman. Keasyikan stigma dilaporkan mempunyai perkaitan negatif secara langsung yang kecil dan tidak signifikan dengan kesunyian sosial dan emosi, maka membuktikan perkaitan negatif secara tidak langsung antara peminggiran dan kesunyian. Bagi menerangkan keadaan ini, pengkaji menyatakan kemungkinan wujudnya *countervailing relationship* di antara peminggiran dan kesunyian di mana walaupun peminggiran mendorong kepada kesunyian bagi golongan yang mempunyai kebimbangan atau penyekatan sosial, peminggiran dikatakan mungkin mengurangkan kesunyian bagi golongan yang tidak mempunyai kebimbangan atau penyekatan sosial. Hal ini kerana mereka mencari afiliasi atau hubungan yang menerima dan menyokong mereka. Penyekatan sosial dikaitkan dengan kesunyian sosial, hal ini kerana ia melibatkan kesukaran untuk menjalinkan hubungan. Manakala kebimbangan sosial dikaitkan kesunyian emosi kerana ia melibatkan ketakutan terhadap penolakan sosial. Secara keseluruhannya, kajian oleh Elmer (2022) mendapati peminggiran dan kesunyian mempunyai perkaitan yang sederhana.

3. Metodologi

3.1 *Tatacara Pengumpulan Data*

Pengkaji telah memilih soal selidik dengan menggunakan alat instrumen yang bersesuaian dengan pemboleh ubah dalam penyelidikan ini, kebanyakannya adalah adaptasi dan pengubahsuaian daripada instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian oleh Elmer (2022). Soalan yang disediakan dapat adalah untuk menilai hubungan antara stres minoriti (distal dan proksimal) dan kesunyian. Tujuan reka bentuk kajian ini dipilih adalah untuk menganalisis hipotesis kajian secara spesifik. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada enam bahagian yang mengandungi matlumat latar belakang responden, mengukur tahap peminggiran, tahap keasyikan stigma, tahap penyembunyian, tahap homofobia dalaman dan tahap kesunyian. Set soal selidik ini terdiri daripada 76 item dan dibahagikan kepada enam bahagian iaitu Bahagian A (Sosioedemografi), Bahagian B (Peminggiran), Bahagian C (Keasyikan Stigma), Bahagian D (Penyembunyian), Bahagian E (Homofobia Dalaman) dan Bahagian F (Kesunyian).

Kajian rintis dilakukan terlebih dahulu untuk menguji kebolehpercayaan alat ujian yang digunakan. Hal ini kerana alat-alat ujian yang digunakan telah diterjemahkan dan soal selidik disediakan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris untuk memudahkan responden memahami soal selidik. Ujian rintis dilaksanakan dengan pengkaji mengedarkan borang soal selidik dalam bentuk Google Form melalui atas talian dan disebarkan menerusi Whasapp, Instagram dan Telegram. Sebanyak 41 responden diterima, namun hanya 34 yang layak untuk disertakan dalam kajian. Menerusi ujian rintis ini, pengkaji berupaya untuk menjalankan analisis kebolehpervaaan iaitu ujian Alfa-Cronbach. Bagi mengukur pemboleh ubah peminggiran, nilai alfa-cronbach *Homonegative Microaggressions Scale* (HMS) adalah 0.903 dan *Daily Heterosexist Experience Questionnaire* (DHEQ) pula adalah 0.908. Bagi pemboleh ubah keasyikan stigma pula, *Lesbian, Gay and Bisexual Identity*, subskala *Acceptance Concern* mempunyai nilai alfa Cronbach sebanyak 0.951. Bagi pemboleh ubah Penyembunyian, *Nebraska Outness Scale* (NOS) mempunyai nilai alfa Cronbach sebanyak 0.804. Bagi pemboleh ubah homofobia dalaman pula, *Internalized Homonegativity Inventory* (INHI) mempunyai nilai alfa Cronbach sebanyak 0.842 dan bagi pemboleh ubah kesunyian, *6-Items De Jong Gierveld Scale* mempunyai nilai alfa Cronbach sebanyak 0.801.

3.2 *Analisis Data*

Data yang diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden akan dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics* Versi 26.0. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk menganalisis data-data tersebut.

3.2.1 *Analisis deskripsi*

Analisis deskriptif merujuk kepada kaedah untuk melakukan ringkasan dan pengkategorian data agar data yang dikumpul mudah difahami. Dalam kajian ini, analisis deskriptif diguna pakai untuk menghuraikan demografi responden yang merangkumi jantina, umur, etnik, agama,

orientasi seksual dan pemboleh ubah kajian mengikut kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai serta nilai minimum dan maksimum.

3.2.2 Analisis inferensi

Analisis inferensi merujuk kepada keadah, prosedur dan tatacara yang diguna pakai untuk membuat kesimpulan menyeluruh kepada populasi bagi sampel yang dipilih (Rozmi 2013). Analisis inferensi juga turut akan dilakukan untuk mengesahkan hipotesis kajian serta melakukan pengujian hipotesis. Perkaitan antara pemboleh ubah dapat dilihat melalui analisis inferensi. Dalam kajian ini, ujian normaliti menunjukkan bahawa data yang diperolehi adalah data bukan normal. Perkaitan antara peminggiran, keasyikan stigma, penyembunyian, homofobia dalaman dengan kesunyian pula dikenal pasti dengan korelasi Spearman.

3.3 Kawasan Kajian

Kawasan kajian adalah tertumpu kepada Malaysia, di mana hanya individu warganegara Malaysia diminta menjawab borang *Google Form* yang diedarkan menerusi media sosial. Hal ini kerana masyarakat Malaysia membesar dalam persekitaran heteronormatif yang menjadi kebiasaan di Malaysia. Maka, pengkaji ingin melihat perkembangan individu di sebuah negara yang konservatif dan heteronormatif daripada aspek peminggiran, homofobia dalaman, penyembunyian, keasyikan stigma dan kesunyian.

4. Dapatan dan Perbincangan

Seramai 145 responden menjawab borang soal selidik yang disebar. Selepas data yang dikumpul dibersihkan, di mana *outliers* dan responden yang tidak memenuhi kriteria inklusif responden yang digariskan, 124 responden yang memenuhi kriteria digunakan untuk analisis data.

4.1 Peminggiran, Homofobia Dalaman, Penyembunyian, Keasyikan Stigma dan Kesunyian.

Jadual 2 menunjukkan min, sisihan piawai, nilai minimum dan maksimum bagi mikroagresi, heteroseksisme, homofobia dalaman, penyembunyian, keasyikan stigma dan kesunyian. Mikroagresi mempunyai ($M=9.054$, $SD=5.183$) dengan nilai minimum 1.000 dan nilai maksimum 21.750. Heteroseksisme pula mempunyai ($M=0.860$, $SD=0.688$) dengan nilai minimum 0.000 dan nilai maksimum 2.750. Homofobia dalaman pula mempunyai ($M=2.922$, $SD=0.732$) dengan nilai minimum 1.300 dan nilai maksimum 4.650. Penyembunyian mempunyai ($M=5.163$, $SD=2.701$) dengan nilai minimum 0.000 dan nilai maksimum 10.000. Bagi keasyikan stigma pula, ia mempunyai ($M=4.234$, $SD=1.500$) dengan nilai minimum 1.000 dan nilai maksimum 6.000. Kesunyian pula mempunyai ($M=3.194$, $SD=1.916$) dengan nilai minimum 0.000 dan nilai maksimum 6.000.

JADUAL 1 Analisis Deskriptif Peminggiran, Homofobia Dalaman, Penyembunyian, Keasyikan Stigma dan Kesunyian.

	Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum
Peminggiran	Mikroagresi	9.054	5.183	1.000	21.750
	Heteroseksisme	0.860	0.688	0.000	2.750
Homofobia Dalam		2.922	0.732	1.300	4.650
Penyembunyian		5.163	2.701	0.000	10.000
Keasyikan Stigma		4.234	1.500	1.000	6.000
Kesunyian		3.194	1.916	0.000	6.000

4.2 *Perkaitan Peminggiran, Homofobia Dalam, Penyembunyian dan Keasyikan Stigma dengan Kesunyian*

Ujian korelasi Spearman digunakan untuk menentukan hubungan antara peminggiran, homofobia dalam, penyembunyian, keasyikan stigma dengan kesunyian. Tiada korelasi yang signifikan di antara mikroagresi dengan kesunyian, $r(122) = .006$, $p = 0.502$. Tiada korelasi yang signifikan di antara homofobia dalam dengan kesunyian, $r(122) = .005$, $p = 0.584$. Tiada korelasi yang signifikan antara penyembunyian dengan kesunyian, $r(122) = .017$, $p = 0.064$. Tiada korelasi yang signifikan antara keasyikan stigma dan kesunyian, $r(122) = 0.15$, $p = 0.107$. Terdapat korelasi positif signifikan yang lemah antara heteroseksisme dengan kesunyian, $r(122) = .21$, $p = .018$.

JADUAL 2 Ujian Korelasi Pearson Peminggiran, Homofobia Dalam, Penyembunyian dan Keasyikan Stigma dengan Kesunyian.

		Peminggiran		Homofobia Dalam	Penyembunyian	Keasyikan Stigma
		Mikroagresi	Heteroseksisme			
Kesunyian	r	0.061	0.213	0.050	0.167	0.146
	Sig.	0.502	0.018	0.584	0.064	0.107

4.3 *Perbincangan*

Hasil kajian mendapati bahawa tiada hubungan yang signifikan antara kesunyian dengan peminggiran (mikroagresi), homofobia dalam, penyembunyian dan keasyikan stigma. Namun wujud hubungan positif lemah yang signifikan antara peminggiran (heteroseksisme) dengan kesunyian.

Ketiadaan hubungan yang signifikan antara peminggiran (mikroagresi), homofobia dalam, penyembunyian dan keasyikan stigma boleh dikaitkan dengan penglibatan dalam komuniti individu LGBT dengan komuniti LGBT (Elmer et al. 2022). Komuniti menjadi sokongan dalam penerimaan identiti seksual dan memperbaiki kesan daripada mikroagresi. Malah, dengan interkasi dengan komuniti, individu lebih selesa untuk mendedahkan identiti mereka kerana mereka berasa lebih selamat dan tiada perlu risau akan penerimaan daripada komuniti.

Namun, hal ini berbeza dengan peminggiran (heteroseksisme). Hal ini boleh dijustifikasikan menerusi dapatan oleh Fredriksen-Goldsen et al. (2017) yang menunjukkan bahawa peminggiran (heteroseksisme) berkait dengan sumber sosial yang sedikit bagi golongan LGBT dewasa lewat dengan gaya pengurusan identiti terbuka, pengesahan identiti yang rendah dan sering menyembunyikan identiti seksual mereka. Malah kajian oleh Jackson et al. (2019) mendapati bahawa diskriminasi dalam kehidupan seharian berkait dengan peningkatan kesunyian dan kemurungan serta kualiti hidup dan kepuasan hidup yang rendah. Hal ini kerana diskriminasi yang dialami menyebabkan individu berasa kurang diterima masyarakat, lantas elakkan menyertai aktiviti sosial kerana risau akan mengalami diskriminasi.

Elmer et al. (2022) menyatakan bahawa peminggiran mampu mendorong kepada kesunyian jika ia meningkatkan kerisauan dan kesekatlakuan sosial, yang seterusnya mengganggu seseorang itu untuk menjalinkan hubungan. Perlu diberi perhatian bahawa peminggiran (heteroseksisme) bersifat lebih fizikal dan agresif berbanding peminggiran (mikroagresi), maka mampu meninggalkan kesan dan impak yang lebih mendalam. Namun, juga diterangkan bahawa peminggiran mungkin mengurangkan kesunyian jika ia memotivasikan individu untuk menjalinkan hubungan dengan komuniti yang memberi sokongan dan menerima diri mereka. Walau bagaimanapun, jika dilihat menerusi konteks Malaysia, hal ini sukar untuk dilakukan berikutan kesukaran untuk mencari dan menyertai aktiviti LGBT, berhubungan dengan individu LGBT lain dan mencari pasangan kerana ketakutan yang mendalam bahawa mereka akan diserang, ditahan, dihakimi, dipandang serong, disalah anggap dan ditolak.

5. Rumusan dan Cadangan

5.1 Rumusan

Kajian yang dijalankan adalah untuk menjana profil sosiodemografi dan menentukan perkaitan antara peminggiran, homofobia dalaman, penyembunyian dan keasyikan stigma dengan kesunyian. Sampel kajian terdiri daripada 124 orang yang berumur 18-60 dan daripada pelbagai latar belakang agama, etnik dan orientasi seksual. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara peminggiran (heteroseksisme) dan kesunyian dalam kalangan LGBT dewasa di Malaysia. Hal ini dapat dijelaskan menerusi pembelajaran daripada pengalaman lepas di mana pendedahan kepada diskriminasi, keganasan dan kekerasan daripada masyarakat heteroseksis, menyebabkan individu bertindak menyendiri atau kurang bersosial untuk melindungi diri mereka. Hal ini juga menyebabkan kurang penglibatan dalam komuniti yang membantu memperbaiki kesan daripada heteroseksisme yang dialami.

5.2 Cadangan

Penyelidik mencadangkan agar kajian di masa depan boleh mengkaji dengan lebih mendalam perkaitan antara pemboleh-pemboleh ubah stres minoriti. Hal ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai *interplay* antara pemboleh ubah dalam menyumbangkan kepada stres minoriti golongan LGBT di Malaysia.

Kaedah persampelan kebarangkalian dapat digunakan untuk menjalankan kajian pada masa hadapan. Hal ini kerana ia memastikan bahawa semua individu mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden. Memandangkan kaedah bukan kebarangkalian tidak memberi perwakilan yang tepat mengenai populasi yang dikaji, kaedah persampelan kebarangkalian harus gunapakai. Penyelidik juga dapat mengedarkan soal selidik mengikut kawasan populasi kajian untuk memastikan responden dan data yang diperolehi adalah pelbagai.

Penyelidik juga dicadangkan untuk menggunakan kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Hasil daripada temu bual adalah untuk penjelasan di sebalik dapatan kuantitatif. Responden yang ditemu bual haruslah terdiri daripada latar belakang yang pelbagai untuk mengenal pasti sebab di sebalik pengalaman peminggiran, homofobia dalaman, penyembunyian dan keasyikan stigma.

Item soal selidik juga dapat dikurangkan untuk mengelakkan *dropout rate*, *straightlining*, keletihan dan pembacaan pantas. Hal ini adalah untuk memastikan dapatan kajian adalah tepat dan responden mudah menjawab borang soal selidik.

Rujukan

- Amnesty International. (2001) Torture and ill-treatment based on sexual identity. *Crimes of hate, Conspiracy of Silence*.
- Bakker, F., Vanwesenbeeck, I. 2006. Sexual Health in the Netherlands (2006) (In Dutch: Seksuele gezondheid in Nederland 2006, p. 18). Rutgers Nisso Groep. RNG-studies nr. 9. Delft: Uitgeverij Eburon.
- Cacioppo, J. T., Cacioppo, S., & Boomsma, D. I. (2013) Evolutionary mechanisms for loneliness. *Cognition and Emotion* 28(1): 3–21. <https://doi.org/10.1080/02699931.2013.837379> [4 November 2022]
- Cook, S., Wood, E., & Chunara, R. (2019) Daily microaggressions and mood in a community-based sample of young gay and bisexual men: A focus on within-person daily processes. *Currents* 1(1): 38-49. <http://dx.doi.org/10.3998/currents.17387731.0001.104> [15 November 2022]
- Dohrenwend BP. Theoretical integration. (1998b) In: Dohrenwend BP, editor. *Adversity, stress, and psychopathology*. New York: Oxford University Press. pp. 539–555
- Elmer, E. M., van Tilburg, T., & Fokkema, T. (2022) Minority stress and loneliness in a global sample of sexual minority adults: The roles of social anxiety, social inhibition, and community involvement. *Archives of Sexual Behavior* 51(4): 2269–2298. <https://doi.org/10.1007/s10508-021-02132-3> [2 November 2022]
- Fish, J., & Weis, C. (2019) All the lonely people, where do they all belong? An interpretive synthesis of loneliness and social support in older lesbian, gay and bisexual communities. *Quality in Ageing and Older Adults* 20(3): 130–142. <https://doi.org/10.1108/QAOA-10-2018-0050> [15 November 2022]

- Fredriksen-Goldsen, K. I., Kim, H., Bryan, A., Shiu, C., & Emlen, C. A. (2017). The cascading effects of marginalization and pathways of resilience in attaining good health among lgbt older adults. *Gerontologist*, 57(suppl 1), S72–S83. <https://doi.org/10.1093/geront/gnw170>
- Gorczyński, PhD, P., & Fasoli, PhD, F. (2021) Loneliness in sexual minority and heterosexual individuals: A comparative meta-analysis. *Journal of Gay & Lesbian Mental Health* 26(2): 112–129. <https://doi.org/10.1080/19359705.2021.1957742> [25 November 2022]
- Hatchel, T., & Marx, R. (2018). Understanding intersectionality and resiliency among transgender adolescents: Exploring pathways among peer victimization, school belonging, and drug use. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 15(6), 1289. doi:10.3390/ijerph15061289 [2 Desember 2022]
- Holt-Lunstad, J., Smith, T. B., & Layton, J. B. 2010. Social Relationships and Mortality Risk: A Meta-analytic Review. *PLoS Medicine* 7(7). e1000316. <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1000316> [24 November 2022]
- Hughes, M. (2015b) Loneliness and social support among lesbian, gay, bisexual, transgender and intersex people aged 50 and over. *Ageing and Society* 36(9): 1961–1981. <https://doi.org/10.1017/s0144686x1500080x> [1 November 2022]
- Human Rights Watch (2001) World Report 2001.
- Jackson, S. E., Hackett, R. A., Grabovac, I., Yang, L., & Steptoe, A. (2019). Perceived discrimination, health and wellbeing among middle-aged and older lesbian, gay and bisexual people: A prospective study. *PLOS ONE*, 14(5), e0216497. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0216497>
- Kuyper, L., & Fokkema, T. (2009) Loneliness among older lesbian, gay, and bisexual adults: The role of minority stress. *Archives of Sexual Behavior* 39(5): 1171–1180. <https://doi.org/10.1007/s10508-009-9513-7> [23 November 2022]
- Mann, F., Wang, J., Pearce, E., Ma, R., Schlieff, M., Lloyd-Evans, B., Ikhtabi, S., & Johnson, S. (2022). Loneliness and the onset of new mental health problems in the general population. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, 57(11), 2161–2178. <https://doi.org/10.1007/s00127-022-02261-7>
- Meyer, I. H. (2003) Prejudice, social stress, and mental health in lesbian, gay, and bisexual populations: Conceptual issues and research evidence. *Psychological Bulletin*, 129(5): 674–697. <https://doi.org/10.1037/0033-2909.129.5.674> [5 November 2022]
- Miller, C. T., & Major, B. (2000). Coping with stigma and prejudice. In T. F. Heatherton, R. E. Kleck, M. R. Hebl, & J. G. Hull (Eds.), *The social psychology of stigma* (pp. 243–272). The Guilford Press.
- Mohd Firdaus Ninam Shah & Qarem Mohamed Mustafa. (2022) Experience of minority sexual group in Malaysia: The relationship between perceived discrimination and psychological well-being. 7(46): 423-432. doi:10.55573/JISED.074644. [5 Desember 2022]
- Paceley, M. S. (2016) Gender and sexual minority youth in nonmetropolitan communities: Individual- and community-level needs for support. *Families in Society: The Journal of Contemporary Social Services* 97(2): 77–85. doi:10.1606/1044-3894.2016.97.11. [3 Desember 2022]
- Pew Research Centre. (2013) *The Global Divide on Homosexuality*

- Sexual Orientation and Homosexuality. (2021) *American Psychological Association*.
- Smart, L., & Wegner, D. M. (2000). The hidden costs of hidden stigma. In T. F. Heatherton, R. E. Kleck, M. R. Hebl, & J. G. Hull (Eds.), *The social psychology of stigma* (pp. 220–242). The Guilford Press.
- Tan, K.K.H., Lee, K.W., Cheong, Z.W. (2021) Current research involving LGBTQ people in Malaysia: A scoping review informed by a health equity lens. *Journal of Population and Social Studies (JPSS)*.
- Thepsourinthone, J., Dune, T., Liamputtong, P., & Arora, A. (2020) The relationship between masculinity and internalized homophobia amongst Australian gay men. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17(15): 5475. <https://doi.org/10.3390/ijerph17155475> [6 November 2022]
- Tzouvara, V., Papadopoulos, C., & Randhawa, G. (2015) A narrative review of the theoretical foundations of loneliness. *British Journal of Community Nursing* 20(7): 329–334. <https://doi.org/10.12968/bjcn.2015.20.7.329> [4 November 2022]
- Weiss, R. M. (1974). Loneliness: the experience of emotional and social isolation. <http://psycnet.apa.org/record/1974-22306-000> [4 November 2022]